

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR ABDUL FATTAH  
ABDULLAH,  
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP  
PENGERUSI ASEAN COOPERATIVE  
ALLIANCE (ACO)**

**PELANCARAN “COMPUTER TABLET  
RAHMAH” UNTUK KEGUNAAN PARA  
PELAJAR BAGI MENYAMBUNG**

**PELAJARAN  
KE PERINGKAT SELANJUTNYA BAGI SESI  
INTAKE SEPTEMBER, OKTOBER DAN  
DISEMBER 2023**

**31 OGOS 2023 / 4.30 PETANG  
SOGO, KL**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum W.B.T., Salam  
Sejahtera,  
Salam Perpaduan dan Salam koperasi,

Salutasi oleh penganjur

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya pada hari ini kita semua

dapat berada di sini bagi kita melaksanakan salah satu misi tanggungjawab sosial oleh pihak SOGO dalam menyediakan peranti pembelajaran yang mesra harganya untuk kegunaan para pelajar untuk ke IPTA dan IPTS.

2. Terima kasih diucapkan kepada SOGO (KL) Department Store Sdn Bhd khususnya kepada Pengerusinya, Datuk Andrew Lim Tatt kerana kesudiannya menjemput saya untuk turut bersama dalam majlis pada hari ini.
  
3. Setinggi – tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak SOGO kerana cakna akan keperluan anak muda yang akan melanjutkan pelajaran ke

menara gading dan usaha ini sekaligus membantu meringankan beban khususnya kepada ibu bapa pelajar tersebut.

## **Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

4. Salah satu medium dalam menjadikan

pendidikan lebih mudah diakses adalah melalui teknologi mampu milik. Dalam dunia yang berkembang pesat, di mana teknologi menjadi penanda aras kemajuan, adalah penting untuk kita mengiktiraf potensi belia kita, pelajar kita, sebagai arkitek yang mencorakkan masa depan negara kita.

5. Mereka adalah nadi kepada kemajuan sosial masyarakat dan negara pada ketika ini. Oleh itu, adalah menjadi

tanggungjawab moral kita sebagai entiti korporat untuk melabur dalam potensi masa hadapan mereka dan memupuk pertumbuhan mereka supaya negara tidak ketandusan modal insan yang berinovasi dan berdaya maju.

6. Salah satu cabaran paling ketara yang



dihadapi oleh pelajar hari ini ialah kos pendidikan yang semakin meningkat. Di samping yuran pengajian, buku teks dan perbelanjaan sara hidup, jurang digital dilihat semakin meningkat. Pada zaman di mana internet adalah gerbang kepada maklumat dan peluang, peranti seperti komputer telah menjadi asas seperti mempunyai akses kepada perpustakaan.

7. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar mempunyai keupayaan untuk memiliki komputer, dan ini merupakan salah satu cabaran yang menghalang kemajuan mereka.
  
8. Melalui inisiatif yang bakal dilancarkan sebentar sahaja lagi, pihak SOGO menjual komputer kepada pelajar pada kos yang lebih rendah dan

berpatutan. Usaha ini juga bukan semata – mata untuk menjual produk tetapi merupakan pelaburan untuk masa depan negara kita.

9. Saya dimaklumkan terdapat dua model komputer jenis tablet yang akan ditawarkan dengan harga RM770.00 dan juga RM925.00. Apa yang menarik komputer tablet ini juga ada sekatan tertentu ke atas carian internet yang

akan membawa kesan buruk kepada para pelajar.

**Hadirin Hadirat dihormati sekalian,**

10. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak SOGO kerana menganjurkan inisiatif

sebegini. Dengan menjual komputer kepada pelajar pada harga yang lebih rendah, kita bukan sahaja membuat keputusan perniagaan, tetapi kami juga menyemai benih masa depan yang lebih cerah, saksama dan sejahtera untuk semua.

11. Ingin juga saya ingatkan bahawa apabila kita melabur dalam pendidikan, kita melabur untuk masa

depan negara kita. Bersama-sama, saya mengajak entiti korporat yang lain juga memastikan bahawa tiada pelajar

yang ditinggalkan, dan membantu minda muda mendapat peluang dalam pelajaran dalam membentuk negara yang hebat dan madani.

12. Saya dengan segala sukacitanya

merasmikan **PELANCARAN “COMPUTER  
TABLET RAHMAH” UNTUK KEGUNAAN  
PARA PELAJAR BAGI MENYAMBUNG  
PELAJARAN KE PERINGKAT SELANJUTNYA  
BAGI SESI KEMASUKAN SEPTEMBER,  
OKTOBER DAN DISEMBER 2023**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

